



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

YAZIL BIN ABD. GHANI,

PENKAKI SEJARAH BEBAS FELDA KEMELAH

SEJARAH FELDA KEMELAH, SEGAMAT, JOHOR

NUR AMYLIA BINTI ISMAIL

(2022987721)

NURMAISURI NASYURA BINTI QAMARUZAMAN

(2022908115)

SESI MARCH 2023-JULY 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

TOK YAZIL BIN ABD. GHANI,

PENGAJI SEJARAH BEBAS FELDA KEMELAH

SEJARAH FELDA KEMELAH, SEGAMAT, JOHOR

NUR AMYLIA BINTI ISMAIL

(2022987721)

NURMAISURI NASYURA BINTI QAMARUZAMAN

(2022908115)

KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK

SESI MARCH 2023-JULY 2023

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
SENARAI ABREVIASI	iii
SENARAI SINGKATAN.....	iv
RUJUKAN KATA.....	v
1.0 PROFILE PENEMUBUAL	8
1.1 BIODATA PENEMUBUAL 1	8
1.2 PROFILE PENEMUBUAL 2.....	9
2.0 PROFILE PENGKISAH.....	11
2.1 PROFILE PENGKISAH	11
2.2 PENGENALAN KEPADA PENGKISAH	12
3.0 SEJARAH LISAN	14
3.1 PENGENALAN.....	14
3.2 OBJEKTIF KAJIAN.....	15
3.3 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN	16
4.0 KAJIAN LITERATUR.....	19
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PENGKISAH	23
6.0 LOG TEMUBUAL	66
7.0 INDEKS	73
8.0 BIBLIOGRAFI	79
9.0 LAMPIRAN.....	81
9.1 MESEJ WHATSAPP.....	81
9.2 SURAT PERJANJIAN.....	84
9.3 SENARAI SOALAN	86
9.5 GAMBAR.....	99

ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Tok Yazil Bin Abd. Ghani, Ketua Kampung Felda Kemelah, Mengenai Sejarah berkenaan Felda Kemelah.

Abstrak: *Transkrip temubual ini adalah mengenai sejarah-sejarah yang berlaku dari awal pembukaan Kemelah sehinggalah kini. Temubual ini dapat dijalankan atas kerjasama Tok Yazil yang sudi untuk berkongsi kisah yang ada berkenaan Kemelah. Tok Yazil merupakan Ketua Kampung Felda Kemelah yang ke empat dan sudah memegang jawatan tersebut selama enam bulan. Melalui perkongsian yang diberi, Kemelah merupakan sebuah felda yang ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 1961 yang terletak di Daerah Segamat, Negeri Johor. Dengan keluasan tanah sebanyak 1.969 hektar, felda Kemelah mempunyai seramai 131 buah keluarga sebagai penduduk felda Kemelah di awal pembukaan. Sungguhpun Kemelah dikenali sebagai felda Kemelah, ia pada asalnya dikenali sebagai felda Tenang Station. Terdapat kisah yang pelbagai dan tersirat sehingga wujudnya nama felda Kemelah ini. Selai dari kisah disebalik nama felda Kemelah, melalui transkrip ini juga dapat dikongsikan berkaitan dengan perkembangan ekonomi, perhubungan, kemudahan dan juga cara hidup penduduk felda Kemelah sehingga zaman kini. Ia mengandungi jalu cerita yang bermacam dan dapat ditunjukkan pelbagai usaha yang diberi oleh pemimpin, pihak berkuasa dan juga para penduduk sendiri dalam memastikan perkembangan dan kemajuan felda Kemelah dapat bertahan dalam keharmonian.*

Kata Kunci: *Felda Kemelah, Sejarah pembukaan Kemelah, Perkembangan, Felda, Peneroka.*

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu kami bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, kerana telah memudahkan kami menempuh segala kesulitan. Kami telah menerima bimbingan Mu hari demi hari yang memudahkan perjalanan kami, Alhamdulillah.

Seterusnya, kami ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah yang dikasihi, Azura Binti Abdul Jamill @ Kamarudzzaman yang telah banyak membantu kami untuk menjayakan tugas ini. Kesabaran, bimbingan dan nasihat anda sepenuhnya membawa kami melalui semua peringkat penulisan dan melengkapkan penilaian ini. Tidak lupa juga kepada pengkisah kami iaitu Tok Yazil bin Abdul Ghani kerana sudi untuk berkongsi cerita dan bekerjasama dengan kami. Kami mengambil peluang ini untuk menghargai sokongan dari semua.

Tugas ini tidak dapat diselesaikan tanpa kerjasama daripada rakan kumpulan kami dan juga rakan sekelas yang sentiasa menghulurkan bantuan untuk menghasilkan tugas yang baik dengan penuh komitmen dan tanggungjawab. Terima kasih banyak atas kerja keras, sokongan dan kehadiran semua yang berterusan apabila diperlukan.

Akhir sekali, kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada keluarga kami secara keseluruhan atas sokongan dan pemahaman yang berterusan semasa membuat laporan ini. Doa anda untuk kami lah yang membolehkan kami pergi sejauh ini. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam projek ini secara langsung atau tidak.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
MB	MENTERI BESAR
DO	DISTRICT OFFICE
SAJ	SYARIKAT AIR JOHOR HOLDINGS SDN BHD
PDK	PROGRAM PEMULIHAN DALAM KOMUNITI
GPW	PERAKAN PERSATUAN WANITA
IT	INFORMATION TECHNOLOGY
IKS	INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA
JKK	JAWATAN KETUA KAMPUNG
NGO	NON-GOVERNMENTAL ORGANIZATION
LKTP	LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN
PTD	PEGAWAI TADBIR
AGM	ANNUAL GENERAL MEETING
FC	FELDA UNITED FOOTBALL CLUB
RC	RAJAWALI COPORA

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
NN	NURMAISURI NASYURA
NA	NUR AMYLIA
TY	TOK YAZIL
PKT	PIHAK KETIGA
PKE	PIHAK KEEMPAT
PKL	PIHAK KELIMA

RUJUKAN KATA


apani	apa ini
lak	pula
kitorang	kita orang
ni	ini
k	okay
cam	macam
en	kan
sapa	siapa
tau	tahu
diorang	diaorang
je	sahaja
heli	helikopter
takde	tidak ada
tak	tiada
nak	mahu
tu	itu
nyampai	sampai
dah	sudah
saje	sahaja
takkan	tidak akan
sebabtu	sebab itu
kendian	kemudian
dulu	dahulu
masatu	masa itu
kona	corner [selekoh]

lepasu	selepas itu
anu	apa
asik	selalu
apabenda	apa itu
macam	seperti
kemari	ke sini
takpe	tidak mengapa
camtulah	begitu lah
an	kan
caya	percaya
kenang	mengenang
gini	begini

PROFILE PENEMUBUAL


1.0 PROFILE PENEMUBUAL

1.1 BIODATA PENEMUBUAL 1

PENEMUBUAL 1	
	
NAMA	Nur Amylia Binti Ismail
UMUR	22 Tahun
TARIKH LAHIR	17 September2001
TEMPAT LAHIR	Johor Bahru, Johor
ALAMAT	No 71, Jalan Permas Jaya 7/6,Bandar Baru permas Jaya Masai, Johor
EMAIL	amyliaismail123@gmail.com
NO TELEFON	01131785909
PROGRAM	IM246 - Pengurusan Rekod
TEMPAT BELAJAR	UITM Kampus Segamat, Johor

Rajah 1: Profile Penemu Bual 1

1.2 PROFILE PENEMUBUAL 2

PENEMUBUAL 2	
	
NAMA	Nurmaisuri Nasyura Binti Qamaruzaman
UMUR	22 Tahun
TARIKH LAHIR	26 Dcember 2001
TEMPAT LAHIR	Batu Pahat, Johor
ALAMAT	Jalan Scientex 22, Taman Scientex, Kulai, Johor
EMAIL	nasyuraqzaman@gmail.com
NO TELEFON	0109340472
PROGRAM	IM246 - Pengurusan Rekod
TEMPAT BELAJAR	UITM Kampus Segamat, Johor

Rajah 2: Profile Penemu Bual 2

PROFILE PENGKISAH

2.0 PROFILE PENGKISAH

2.1 PROFILE PENGKISAH

PENGKISAH	
	
NAMA	Yazil Bin Abd. Ghani
NAMA PANGGILAN	Tok Yazil
UMUR	62 Tahun
TARIKH LAHIR	10 March 1962
TEMPAT LAHIR	Pekan Jementah
TEMPAT TINGGAL	Felda Kemelah
NO TELEFON	0107108315
PEKERJAAN	Pesara
PERANAN	Ketua Felda Kemelah

Rajah 3: Profile Pengkisah

2.2 PENGENALAN KEPADA PENGKISAH

Pengkisah yang dipilih untuk membantu kajian lisan kami ialah Yazil Bin Abd. Ghani, responden ini dipilih oleh pensyarah kami iaitu Madam Azura Binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman atas dasar pengetahuan asli beliau mengenai sejarah Felda Kemelah. Untuk mencapai objektif kajian sejarah lisan ini, pengkisah ini dipilih atas beberapa faktor yang mampu membantu kami dalam menjalankan dan menyiapkan kajian sejarah lisan ini dengan baik tanpa sebarang masalah seperti maklumat yang tidak tepat, maklumat tanpa bukti, rekaan cerita dan sebagainya. Kredibiliti dan kebolehpercayaan pengkisah ini sudah disahkan oleh pensyarah subjek kursus kami.

Yazil Bin Abd. Ghani atau lebih dikenali sebagai Tok Yazil dilahirkan di Kampung Permatang panjang, Pekan Jementah pada 10 Mac 1962, tetapi beliau mengikuti keluarganya berpindah ke Felda Kemelah dan membesar di situ. Beliau menetap secara kekal di Felda Kemelah setelah bersara daripada askar. Beliau mengambil keputusan untuk terus menetap di Felda Kemelah setelah bersara atas sebab untuk menguruskan ladang milik keluarganya.

Sebagai seorang Ketua Kampung di Felda Kemelah, beliau mengambil tahu serba sedikit mengenai sejarah Felda Kemelah sebagai rujukan buat dirinya untuk kemajuan dan keselamatan Felda Kemelah. Oleh yang demikian, beliau mula mengumpul sejarah dan kisah-kisah mengenai Felda Kemelah daripada pelbagai sumber seperti di sosial media dan secara lisan daripada penduduk setempat dan juga kenalannya untuk mengetahui dan mempunyai maklumat asas yang lengkap mengenai Felda Kemelah.

SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Sejarah lisan ini adalah satu proses dan teknik yang digunakan dalam membuat penyelidikan berkenaan dengan topik yang dipilih. Setiap kajian yang dilakukan sememangnya boleh dirujuk berdasarkan dari pelbagai bentuk sumber seperti bertulis, kisah-kisah sejarahnya yang tersendiri dan juga peninggalan sejarah yang ada. Namun penyelidikan sejarah tanpa melibatkan sejarah lisan adalah sukar untuk mendapatkan objektif ataupun maklumat yang sahih bersama bukti. Dari situ dapat kita lihat bahawa, betapa pentingnya penggunaan sejarah lisan dalam setiap penyelidikan dan pengkajian sejarah. Proses teknikal semasa menjalankan sejarah lisan ini adalah dengan mencatat informasi-informasi yang direkodkan melalui alatan untuk merakam dan kemudiannya transkrip akan dilakukan menggunakan informasi yang diperoleh. Penggunaan sejarah lisan dalam penyelidikan adalah sangat menarik kerana dari situ kita dapat lihat kisah-kisah tersendiri dari setiap individu yang ditemu ramah serta personaliti baru dari setiap individu. Maka akan ada banyak pengalaman baru yang boleh diperoleh melalui sejarah lisan. Seperti yang diketahui, asas sejarah lisan adalah untuk memperoleh dan mendapatkan kesahihan sesuatu fakta disebalik cerita-cerita sejarah yang ada.

Oleh yang demikian, Felda Kemelah merupakan sebuah tempat yang terletak di Daerah Segamat, Negeri Johor. Felda Kemelah telah dibuka pada tahun 1961 dengan keluasan tanah sebanyak 1.969 hektar yang pada asalnya terdiri dari pada 131 buah keluarga. Felda yang pada asalnya ini dikenali sebagai Felda Tenang Station mempunyai bermacam cerita disebalik penubuhan nama yang dikenali sehingga kini iaitu Felda Kemelah yang mana diantara salah satu cerita mengatakan bahawa nama tersebut diambil bersempena dengan nama Sungai Kemelah. Oleh itu, untuk mendapatkan informasi yang lebih sahih dan tepat berkenaan sejarah pembukaan serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh penduduk Felda Kemelah dan pentadbirannya, sejarah lisan akan dijalankan keatas individu yang terpilih untuk berkongsi cerita tentang Felda Kemelah, iaitu Ketua Kampung Kemelah pada tarikh yang telah ditetakan.

3.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ke atas Felda Kemelah adalah untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai sejarah dari awal pertubuhan Kampung Kemelah sehingga ke hari ini. Objektif kajian ke atas Felda Kemelah membuahkan hasil kerana ke semua maklumat yang diperolehi dan diterima adalah daripada sumber yang asli. Ianya hasil daripada temu bual yang dibuat bersama dengan seorang pengkisah yang menetap di Felda Kemelah. Di bawah adalah antara objektif-objektif yang ditekankan dalam kajian ini:

- a. Merungkai sejarah pertubuhan awal Felda Kemelah.
- b. Merungkai sejarah tersembunyi di Felda Kemelah.
- c. Mendapatkan maklumat yang tepat mengenai penduduk awal di Felda Kemelah.
- d. Untuk mencapai keaslian maklumat dan kisah benar mengenai Felda Kemelah.
- e. Untuk mendapatkan maklumat dan kisah yang tepat akan sejarah Felda Kemelah untuk masyarakat luar.

3.3 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian Sejarah lisan adalah salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah untuk mendapatkan kebenaran tentang sesuatu fakta secara lisan. Kajian Sejarah lisan juga merupakan kaedah yang bertujuan untuk mengumpul maklumat-maklumat asli dan tepat daripada seorang pengkisah. Ia melibatkan proses temubual santai atau temubual rasmi dengan seorang pengkisah. Proses temubual ini akan melibatkan seorang pengkisah yang akan menceritakan sejarah, peristiwa dan maklumat tentang sesuatu kawasan berdasarkan sumber daripada ingatan pengkisah, diari, gambar, dan sebagainya. Sumber-sumber yang diceritakan dan dibawa semasa sesi temubual adalah merupakan sumber asli ataupun dipanggil sumber primer yang didapati terus daripada pengkisah tersebut. Temubual yang berlangsung akan dirakam sama ada secara rakaman video ataupun audio bagi tujuan sandaran dan rujukan untuk membuat transkrip dan lain-lain. Pentingnya kajian sejarah lisan adalah untuk mengumpul fakta-fakta sejarah yang masih belum dikaji dan dicatat di mana-mana medium antaranya di buku dan media sosial. Oleh itu, kajian sejarah lisan yang dijalankan keatas Felda Kemelah adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat primer serta untuk merungkai rahsia yang masih belum dirungkai dan diceritakan kepada umum yang kemudiannya dicatat untuk dijadikan sejarah bertulis. Tambahan pula, ia dapat memberikan impak yang positif kepada penduduk setempat dan orang luar, ini kerana mereka akan memperoleh sumber sejarah yang tepat dan asli berdasarkan kajian yang dijalankan ini.

Di samping itu, pentingnya kajian sejarah lisan ini ialah kerana penduduk setempat dan orang luar dapat mengetahui siapakah yang membangunkan Felda Kemelah ini dan juga dapat mengenali siapakah generasi-generasi pertama yang menetap dan membangunkan Felda Kemelah ini. Selain itu, masyarakat juga dapat mengetahui akan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Felda Kemelah pada waktu awal kewujudannya yang tidak diceritakan dan dicatatkan di mana-mana bentuk medium. Seterusnya, kajian yang dijalankan ini memberi banyak sumbangan antaranya mewujudkan kesedaran jati diri dan cinta akan tempat kelahiran kepada penduduk setempat agar mereka dapat menghargai jasa-jasa generasi terdahulu yang telah bersusah-payah menjaga dan memajukan Felda Kemelah sehingga ia dapat bertahan sehingga ke hari ini. Kajian sejarah lisan ini juga dapat menyumbang maklumat yang tepat kepada masyarakat dan negara. Ini kerana masyarakat yang ingin mengetahui kisah sejarah Felda Kemelah dapat memperoleh maklumat yang tepat dan tidak mengelirukan mereka. Dan untuk negara pula, sebarang

peristiwa atau kejadian yang akan berlaku yang di mana melibatkan Felda Kemelah, maklumat-maklumat yang direkod ini dapat digunakan sebagai bukti untuk mempertahankan sesuatu perkara. Jadi, jelaslah, Kajian sejarah lisan sangat penting dan menyumbang banyak kepada penduduk setempat, masyarakat dan negara.

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

Bagi setiap pengkajian sejarah, sejarah lisan adalah kaedah yang paling biasa digunakan untuk peroleh maklumat yang berkenaan. Oleh sebab itu, sejarah lisan yang akan dilakukan ini adalah amat penting dalam mendapatkan maklumat-maklumat berkenaan sejarah Felda Kemelah. Penggunaan sejarah lisan adalah teknik untuk menyelidiki suatu cerita ataupun sejarah melalui perkongsian daripada pengkisah yang mana ia akan dijadikan transkrip. Dari sini kita dapat melihat bahawa sejarah lisan amat penting bagi peroleh maklumat. Sejarah lisan bukan sahaja boleh digunakan untuk tujuan mengkaji sejarah-sejarah Malaysia, ia juga sering digunakan untuk mendapatkan biodata ataupun perjalanan tentang kisah seorang tokoh, pelakon, sejarah kampung dan yang lain. Menurut Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda (2012), sejarah lisan merupakan kaedah ataupun cara yang penting dalam merekodkan peristiwa lalu yang dilalui oleh seseorang. Hal ini kerana, kisah lampau masih boleh menjadi data ataupun maklumat penting bagi sesetengah perkara. Walaupun kisah itu sudah lama ditinggalkan, ia sedikit sebanyak boleh membawa kepada perubahan sesuatu perkara.

Secara umumnya, sejarah lisan adalah maklumat sejarah yang diperoleh daripada sumber lisan. Ini bermaksud, sumber-sumber maklumat sejarah yang diperoleh adalah berupa tuturan yang tidak bertulis. Menurut Siti Roudhah, Radia Banu, Cik Ramlah & Noor Azlinda (2012) menyatakan bahawa sumber sejarah lisan dianggap sebagai sumber primer, ia boleh didapati daripada hasil rakaman perbualan yang dibuat melalui temubual yang telah dirancang dan direkodkan oleh penyelidik dengan pengkisah. Sebenarnya, sejarah lisan ini amatlah penting dalam mendapatkan maklumat dan kisah-kisah yang masih belum ditulis di mana-mana bentuk platform lagi. Boleh dikatakan, melalui kajian sejarah lisan ini, penyelidik dapat merungkai dengan lebih mendalam dan terperinci lagi mengenai sesuatu kawasan, barang-barang peninggalan sejarah, dan sejarah yang telah ditulis. Ini kerana, tidak kesemua sumber-sumber sejarah tersebut diceritakan atau diterangkan dengan baik oleh penduduk setempat atau penyelidik yang lepas. Sama ada penerangan tersebut tidak tepat, tidak jelas, tidak masuk akal ataupun mempunyai banyak maklumat sehingga tidak pasti mana satu maklumatnya yang sah. Oleh itu, sejarah lisan adalah satu kaedah yang digunakan bagi mendapatkan keterangan sejarah secara lisan untuk menambah maklumat yang sedia ada, bukan untuk menggantikan sumber-sumber bertulis yang ada seperti rekod, surat-surat dan apa-apa sumber bertulis yang berkaitan, yang telah dihasilkan terdahulu (Nadzan, 1979/1980). Dahulu, kebanyakan orang tidak mempunyai kesedaran dalam mencatat kisah-kisah bersejarah secara terus ke dalam kertas atau buku kerana, mereka lebih cenderung untuk hanya menyimpan segala maklumat yang mereka perolehi

dan alami di dalam ingatan mereka sahaja. Hal ini menyebabkan kebanyakan kisah sejarah dan maklumat yang sedia ada itu tidak lengkap. Menurut Nadzan (1979/1980), daya ingatan seseorang itu tidak kekal, jadi sekiranya kisah-kisah sejarah tersebut tidak direkod, dicatat, diselidik dan dirakamkan, ia akan terus hilang dan tidak diketahui akan kewujudannya. Maka, sejarah lisan boleh membantu dalam memperbetulkan fakta, dan menjawab segala kemusykilan yang ada.

Kampung-kampung atau felda biasanya berada di dalam daerah. Felda yang kami kaji ini berada di dalam Daerah Segamat. Segamat ini adalah tempat yang dikenali sebagai “Bumi Bertuah” atau slogannya yang terkenal adalah “Segamat Bumi Bertuah”. Nama Segamat itu tercipta daripada sebuah kisah yang melibatkan Bendahara Tepuk. Menurut Drs.Ungku Mohd (1997), menyatakan bahawa seorang lelaki bernama Pak Utih menceritakan bahawa semasa Bendahara Tepuk mandi di Pengkalan Lubuk Batu, beliau ada melafazkan ayat yang berbunyi “segar amat badanku ini”, lalu perkataan “segar amat” itu diambil dan dijadikan sebagai nama “Segamat”. Seterusnya, Segamat bumi bertuah adalah kerana Segamat merupakan tempat yang mempunyai tanah subur. Ia sangat sesuai untuk melakukan aktiviti pertanian seperti bercucuk tanam. Maka ia menjadi sumber pendapatan buat masyarakat yang menetap disitu suatu ketika dahulu sehinggalah ke hari ini. Segamat kini sudah menjadi sebuah kawasan lokaliti, ini kerana Segamat sudah berkembang pesat dan memiliki kawasan tempat tinggal untuk orang menetap dan mempunyai talian sosial yang jelas seperti taman perumahan, perkampungan dan felda. Salah-satu felda yang masih ada dan masih wujud di sekitar daerah Segamat sehingga ke hari ini ialah Felda Kemelah. Menurut daripada laman web Pusat Ekonomi Digital (2013), Felda Kemelah merupakan tanah rancang yang ditubuhkan pada tahun 1961 dan diasaskan oleh Sir A.L Gwybe yang merupakan pengurus Felda Kemelah pada ketika itu.

Seterusnya, pembukaan sebuah kawasan adalah hasil daripada orang-orang terdahulu yang mencari sesebuah kawasan untuk didiami yang dimana struktur kawasan geologinya sangat strategi dan tidak atau kurang terancam daripada bahaya yang boleh memberi kemudaratan kepada mereka. Ataupun, sesebuah kawasan itu dibuka oleh sebuah agensi seperti Felda sebagai kawasan tanah rancang. Menurut Norimah (1984), Felda adalah agensi yang berperanan memajukan tanah baru untuk dijadikan ladang pertanian yang produktif melalui pengurusan pertanian yang berkesan di kalangan penduduk-penduduk kampung serta menggalakkan pertumbuhan penduduk kampung yang maju dan berdisiplin. Ia secara tidak langsung menyediakan tempat tinggal, peluang pekerjaan dan memberi hak milik tanah kepada penduduk sekiranya mereka berkhidmat untuk Felda dan telah selesai membayar kembali kos

pembangunan kepada Felda. Di samping itu, sesebuah kawasan akan mula berkembang maju jika struktur pentadbirannya betul daripada pelbagai segi seperti dari segi kemudahan awam iaitu balai raya, dewan, masjid, klinik desa, taman permainan dan sebagainya. Ini bertujuan bagi memberi kemudahan yang lengkap kepada penduduk setempat agar urusan seharian mereka dapat dilakukan dengan mudah.

Di samping itu, untuk menjamin keamanan dan kestabilan sesebuah kawasan yang mempunyai penduduk, seseorang perlu dilantik menjadi pemimpin untuk mengurus dan memimpin, sebagai contoh Ketua kampung. Menurut Asnarulkhadi (1985), pemimpin dalam sesebuah masyarakat adalah penting bagi menentukan corak dan kemajuan serta perubahan masyarakat itu. Oleh itu, Ketua kampung memberi impak yang besar kepada penduduk setempat dalam menyelesaikan masalah, memajukan, mendapatkan sumber dana, sumber kecemasan dan sebagainya. Ia juga akan menjadi sebuah kawasan yang terurus dan terus berkembang maju.

Akhir sekali, menurut Darwis (2017), tradisi yang ada dalam suatu komuniti masyarakat merupakan hasil turun temurun dari nenek moyang. Maka setiap kampung atau felda memiliki keunikan tradisi yang tersendiri yang ditinggalkan oleh generasi sebelumnya. Tambahan pula, sesuatu tradisi itu melambangkan jati diri penduduk di situ. Selain itu, menurut Umami Salwa, Nur Ainna, Nur Shuhada, Khatijah, Asmaddy, Nuradli Ridzwan Shah, & Zulhamizan Ismail (2018) menyatakan bahawa dengan adanya sambutan tradisi setiap tahun, tradisi tersebut dapat mengeratkan nilai kesepaduan, keharmonian, kekeluargaan dalam diri setiap individu. Jadi wajarlah tradisi ini terus dikekalkan dan dilakukan untuk mengeratkan hubungan penduduk setempat.

**TRANSKRIP
TEMUBUAL BERSAMA
PENGKISAH**

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PENGKISAH

NN: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang pengkisah dalam bidang dokumentasi lisan. Bersama-sama kami ialah Tok Yazil bin Abd. Ghani yang merupakan seorang ketua kampung Felda Kemelah. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 17 Jun 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 3 petang bertempat di Dewan Serbaguna Felda Kemelah. Temubual ini dikendalikan oleh saya iaitu Nurmaisuri Nasyura dan juga Nur Amylia. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

TY: Dengan itu saya perkenalkan kepada budak-budak saya, ini nama Syura ea orang panggil betul. Ini Shamila ea.

NA: Nak record [rakam] (Nur Amylia mencelah sambil ketawa kecil dan memberi tablet kepada Tok Yazil dan Encik Ariff)

TY: Jadi saya rasa saya boleh ber- bekerjasama ea Amylia. Saya boleh bekerjasamalah kalau sekiranya saya terlupa ke apa, saya ingat cik Ariff boleh bantu sayalah. Baiklah, *you* [awak] perkenalkanlah nama-nama awak pada ni pada yang ada harini.

Catatan: Celahan daripada Nur Amylia berlaku di mana Nur Amylia menyebut namanya untuk memperbetulkan namanya yang di salah sebut oleh Tok Yazil.

NA: Saya Amylia yang sepatutnya.

NN: Nama saya Nasyura.

NA: Jadi (bunyi kertas A4 diselak) apani tujuan harini untuk kita tahu pasal Sejarah Kemelah. Jadi masa tak dah yang dah bagitahu dekat Tok Yazil sebelum ni kita ada buat sejarah- sejarah lisan (bunyi kertas A4 diselak) untuk setiap kumpulan dua orang. Kitorang akan pergi ke se- ke tempat-tempat yang dah dibagikan contoh macam ada yang dapat sejarah pasal Lubuk Batu, pasal sejarah pembukaan Segamat, Jadi kami dipilih untuk ber-berkongsi tentang Sejarah Kemelah dan responden yang dipilih adalah Tok Yazil sendirilah Jadi harini tarikh dipilih untuk menjalankan sejarah lisan kitorang lah harini. Jadi sedikit sebanyak kita ada soalan yang akan ditanya tentang daripada latar belakang tok sendiri sampailah kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam ni lah dalam Kampung Kemelah sendiri.

Catatan: Celahan daripada pihak keempat berlaku di mana beliau menyatakan bahawa nama Nurmaisuri Nasyura sama seperti nama seorang artis

NA: *Okay* [baik] bole- boleh mula.

TY: So [jadi] boleh ea cepat mula cepat habis. (suara ketawa)

NN: Saya Nasyura, saya akan mulakan dengan menanya latar belakang Tok Yazil.

TY: Ye saya.

NN: Soalan yang pertama, siapakah nama penuh Tok Yazil?

TY: Nama saya Yazil bin Abdul Ghani.

NN: Berapakah umur Tok Yazil?

TY: Setakat ni eh setakat ni lak (suara ketawa), sekarang 60 tahun.

Catatan: Celahan daripada Nurmaisuri Nasyura dan Nur Amylia berlaku di mana mereka mengulang kembali umur Tok Yazil.

NN: Jadi bilakah tarikh lahir Tok Yazil?

TY: Oh, tarikh lahir saya 10 haribulan 3, 1962.

NN: Dimanakah Tok Yazil dilahirkan?

TY: Saya dilahirkan di Kampung Permatang panjang, Jementah, Segamat. Yes [ya] jalan ke Tangkak sebelah Gunung Ledang.

Catatan: Celahan daripada pihak ketiga dan pihak kelima berlaku di mana mereka bertanyakan soalan kepada Tok Yazil semasa Tok Yazil menjawab soalan yang ditanya oleh Nurmaisuri Nasyura.

NA: Tangkak belakang sana, sebab kitorang duduk dekat Gemereh.

TY: Hemhem betul (Tok Yazil mengiyakan kenyataan yang diberikan oleh Nur Amylia dan pihak ketiga).

NN: Adakah Tok Yazil masih bekerja ataupun sudah bersara?

TY: Saya dah bersara.

NA: Bersara-- daripada--

TY: Bersara daripada berkhidm- berkhidmat dalam angkatan tentera.

NN: Sudah bera- sudah berapa lama Tok Yazil bersara tu?

TY: Saya bersara hampir tahun 2000 so [jadi] sekarang 23.

NN: So [jadi] apakah pekerjaan Tok Yazil sebelum ni? (suara orang berdehem)

TY: Maksud apa maksud awak ni **sebelum--** bersara ke apa. Sebelum ni **saya memang-**
- angkatan tentera, selepas bersara saya buat kerja sendiri lah bermakna kerja yang
sendiri lah senang cerita kebun ke apa yang patut. Tapi khususnya saya bekerja dengan
kilang, alhamdulillah.

Catatan: Celahan daripada pihak ketiga berlaku di mana beliau menerangkan kepada
Tok Yazil mengenai soalan yang ditanyakan oleh Nurmaisuri Nasyura. Dan celahan
daripada pihak kelima juga berlaku dimana beliau meminta Nurmaisuri Nasyura
menerangkan semula soalan yang dikemukakan.

NA: Tok Yazil kat dalam kampung ni jawatan Tok, ketua kampung lah?

TY: Ye, jawatan saya ketua kampung.

NA: Oh k sekarang kepada keluarga.

TY: Keluarga, maksud *you* [awak] eh maksud awak?

NA: Cam isteri, nama ke, asal.

TY: Oh, nama isteri saya Mazilah Binti Mohamad k. Dia lahir tahun 2 haribulan 3 1964.
Dilahirkan di Felda Kemelah.

Catatan: Celahan daripada pihak ketiga berlaku di mana beliau menerangkan soalan yang ditanya oleh Nurmaisuri Nasyura kepada Tok Yazil.

NA: Orang sinilah?

TY: Ye orang sini. (suara orang batuk)

NA: Oh. (Amy memahami jawapan yang diberi oleh Tok Yazil).

NN: Boleh tahu Tok Yazil mempunyai berapa orang anak?

TY: Oh anak ramai, (suara ketawa) anak saya dua orang sahaja, minta maaf eh (suara orang ketawa) dua orang sahaja.

NN: Dua orang sahaja. Jadi adakah Tok Yazil lahir dan membesar di Felda Kemelah ni?

TY: Saya lahir di macam saya cakap tadi di Jementah, Segamat. Saa-- bersekolah pun di sana tahun-- bermula sekolah rendah di sanalah, selepas ayah saya berpindah ke Felda Kemelah tahun 69, saya sambung sekolah di Felda Kemelah, sambung sekolah di sinilah sampailah saya habis sekolah lah. Di mana memang di Felda Kemelah.

Catatan: Celahan daripada Nurmaisuri Nasyura berlaku di mana dia mengulang kembali jawapan yang diberi oleh Tok Yazil.

NN: Boleh tahu kenapa Tok Yazil mengambil keputusan untuk menetap di Felda Kemelah?

TY: Saya mengambil keputusan menetap di Felda Kemelah, pertama saya dipanggil oleh keluarga saya kerana ayah saya dah meninggal, untuk menguruskan ka- katanyalah menguruskan ladang tapi takpun en menguruskan apa-apa hal kat sini untuk keluarga

sayalah. Pasal apa saya anak lelaki sulung dalam adik-beradik saya. Bukan anak yang sulung, anak lelaki sulung.

NA: Tok Yazil banyak tak tahu sejarah-sejarah pasal Kemelah?

TY: Sejarah Kemelah, Kemelah ni dia tubuhkan pada tahun 61, Felda Kemelah ni.

NN: Kita terus ke *section* [bahagian] kisah di sebalik nama Kemelah boleh?

TY: *Okay* [baik].

NN: *Okay* [baik], jadi bagaimanakah Felda ini dinamakan sebagai Felda Kemelah dan apakah kisah di sebalik nama Kemelah ni?

TY: *Okay* [baik], Felda Kemelah ni ditubuhkan pada tahun 61 dengan nama yang asalnya Felda Tenang *Station* [stesen].

NN: Tenang *Station* [stesen].

TY: Yes [ya] nama asalnya, setelah apa waktu tu pengurus dia pengurus pertama tu nama dia siapa G apa orang panggil Queen, okey dia tu bangsa asing, warga asing, mat salleh la tetapi dia bertugas dekat Felda Kemelah (bunyi kertas A4 diseret), jadi orang yang pertama lah. Pada waktu tu, Kemelah ni tidak dapat galakkan, jadi tidak ada orang yang sudi nak masuk. Jadi pengurus ni dia ambil tindakan pergi ke kampung-kampung panggil orang kampung siapa yang nak masuk dengan perkataan "come-lah" masa tu lah betul en "come-lah". Jadi benda tu dah asik sebut "come-lah come-lah" jadi tubuhnya Kemelah, itulah ceritanya. Dan ada lak setengah-setengah kata, benda ni mungkin benar mungkin takda tak tahulah. Ada orang pantai timur kata "comel lah comel lah" kan, jadi benda tu saya tak pasti lah sebab apabenda tu saya dengar pun setelah berlaku kan. Jadi tidak ada kepastian, tapi yang asalnya memang pengurus ni lah dia mat salleh nak panggil

orang masuk dia gun- gunakan perkataan "come-lah" jadi timbul lah ayat Kemelah. Itulah ceritanya.

Catatan: Celahan daripada pihak ketiga berlaku di mana beliau menyatakan nama pengurus pertama Felda Kemelah.

NN: Tok Yazil tahu ke orangnya sapa macam dari bangsa British ke apa ke?

TY: Dia tu _____ yes [ya] British, ye. Masa tu kitakan masih ada si- sikit-sikit jajahan British dia tapi dia tu berkerja dengan felda, dia bekerja dalam Felda di lantik pengurus felda. Ini *staff* [pekerja] Felda di sebelah saya ni, ni bukan orang lain, *staff* [pekerja] felda, serba sikit boleh tanyalah mem- mungkin saya tu tak betul ke apa mungkin dia tahu. Pasal dia punya kamus lagi tebal dari saya.

Catatan: Celahan daripada Nurmaisuri Nasyura berlaku di mana dia bertanyakan soalan kepada Tok Yazil untuk memastikan jawapan yang didengari itu adalah betul. Celahan daripada Nur Amylia berlaku di mana dia menanyakan soalan untuk mengetahui jika pada masa itu Felda Kemelah masih dalam penjajahan atau tidak.

NN: Okay [baik], kita tanya mengenai asal-usul pembukaan Felda Kemelah. Okay [baik], jadi bilakah tarikh sebenar Felda Kemelah ini dibuka dan dibangunkan?

TY: Okay [baik], tarikh sebenar tu saya memang tidak tahu. Saya hanya tahu ia di- di apa di buka pada tahun 61 dengan ra seramai 131 satu orang kalau tak silap saya lebih kurang cam tulah 131 tu. Penghuni-penghuni yang pertama datang kemari.

NN: Siapakah pengasas pertama yang meneroka Felda Kemelah ni yang--

TY: Maksud dia?

Catatan: Celahan daripada pihak ketiga berlaku di mana beliau menanyakan soalan kepada Nurmaisuri Nasyura untuk kepastian mengenai soalan meneroka Felda Kemelah.

NN: A'ah yang meneroka kemelah, yang–

NA: Yang buk- maksudnya yang menubuhkan macam mana dibuka.

Catatan: Celahan daripada pihak kelima berlaku di mana beliau menanyakan soalan kepada Nur Amylia untuk kepastian mengenai soalan meneroka Felda Kemelah. Dan celahan daripada pihak keempat berlaku di mana beliau menjelaskan kepada Nur Amylia dan Nurmaisuri Nasyura bahawa Felda Kemelah ni bukan sebuah kampung.

TY: Yang membuka Felda Kemelah, ia setelah tanah ni diluluskan oleh Lembaga Kemajuan, jadi dulu zaman tu arwah Allahyarham Tun Abdul Razak en jadi mungkin dapat satu aset tanah dalam bido ni untuk dijadikan Felda. Jadi dia tubuhkan rancangan Felda dan dilantik, satu Felda melantik satu badan iaitu pengurus menetap di Kemelah dan pemilihan terbuka untuk semua rakyat terutama dalam sekitar Johor lah memasuki Felda Kemelah. Itu yang dapat mula-mula kita hanya seratus tiga puluh satu orang sahaja (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali). Dengan 131 orang ni lah yang pergi meneroka ladang Felda dah tebang semua ladang hutan-hutan, jadi cuma nak meneroka untuk me-se- (bunyi notifikasi telefon bimbit berbunyi sebanyak satu kali) apa semai benih getah ke apa untuk dijadikan ladang. Ni lah orang yang pertama, sebelah- sebelum *ente-ente* [kamu semua] kendian sebelum peneroka-peneroka kendian, ni lah adalah orang yang pertama yang datang ke- saya yang kemudian saya sampai tahun 69 arwah bapa saya. Diorang dah tubuh tahun 61 so [jadi] dalam berapa tahun, jadi perkampungan yang sesudah sudah tu saya tak tahu yang saya tahu itu sahaja. Pengurus dia nama dia ada dalam ni kalau tak silap saya sir (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) apa ni AL apa WIN ea ada nama dia, *you* [awak] ada kan. takda ea? *Okay* [baik], ni nama dia ada dekat sini, itu awak.

Catatan: Celahan daripada pihak ketiga berlaku di mana beliau memberitahu nama pengurus Felda Kemelah yang pertama ialah Sir A.L Gwybe kepada Tok Yazil dan juga kepada Nurmaisuri Nasyura dan Nur Amylia. Beliau juga memaklumkan kepada

Nurmaisuri Nasyura dan Nur Amylia bahawa maklumat nama pengurus Felda Kemelah yang pertama ada di dalam kertas yang beliau sediakan untuk temuduga ini. Celahan daripada Nurmaisuri Nasyura juga berlaku di mana dia menjawab soalan yang ditanyakan oleh Tok Yazil.

NA: Kalau kita *search* [cari] pun dia keluar pasal nama Kemelah je kalau kita--

TY: Ye _____ _____ *okay* [baik] takpe untuk pengetahuan, *okay* [baik] boleh teruskan lagi.

Catatan: Celahan daripada pihak ketiga berlaku di mana beliau memberitahu Nur Amylia bahawa jika dia mencari nama pengurus Felda Kemelah yang pertama di internet akan keluar sama seperti apa yang Nur Amylia cari di internet.

NA: Teruskan. (Nur Amylia meminta Nurmaisuri Nasyura untuk bertanya soalan yang seterusnya kepada Tok Yazil)

NN: Kita tanya mengenai keadaan suasana Kemelah ketika di awal pembukaan. Jadi bagaimana keadaan kawasan Felda Kemelah tu semasa di awal pembukaan?

TY: Suasana dia, *okay* [baik] suasana dekat Felda Kemelah waktu pembukaan ni lah waktu tahun pertama. Pertama sekali perhubungan takda (suara orang batuk) so [jadi] masatu jalan raya takdalah, bekal elektrik takda, bekal air tidak ada. Jadi semua peneroka kena ikhtiar sementara waktu dengan bantuan hasil dengan bantuan yang diberi elau kepada peneroka hanya RM69 sebulan. Nak menampung anak dua belas, anak tujuh, anak lapan ni lah dalam RM69.

Catatan: Celahan daripada pihak ketiga berlaku di mana beliau turut menjawab soalan yang ditanya oleh Nurmaisuri Nasyura iaitu mengenai bekalan elektrik dan bekalan air.

NN: Oh, satu keluarga RM69 ea.

TY: Yes [ya], itu bermakna kita kira kategori **gaji lah**-- dulu-dulu memang dikatakan Felda ni-- sebab yang tak dapat sambutan ramai kerana benda ni lah, jadi orang kampung ada kebun getah lapan ekar, ada durian empat ekar, dia rasa dia dah kaya, dia dah ada hasil sumber, "buat apa aku nak masuk tanah rancang", dulu orang panggil tanah rancang-rancangan, tu yang dapatnya 131 orang saja. Selepas tu penuh sampai ke hari ni.

Catatan: Celahan daripada pihak ketiga berlaku di mana beliau mengiyakan jawapan yang diberikan oleh Tok Yazil.

NN: Jadi sumber-sumber air ke dia ambil daripada apa tu, perigi?

Catatan: Celahan daripada pihak ketiga berlaku di mana beliau menjawab soalan Nurmaisuri Nasyura berkaitan dengan sumber air diperoleh daripada perigi.

TY: Yes [ya], dia ada buat setiap blok macam katakanlah dalam lima biji rumah ada satu sumber air.

Catatan: Celahan daripada pihak ketiga berlaku di mana beliau menyatakan bahawa pihak Felda ada membuat perigi untuk penduduk Felda Kemelah pada ketika itu.

NN: Jadi waktu tu bagaimana corak pentadbiran yang digunakan?

TY: Corak pentadbiran waktu tu pertama sekali di Felda Kemelah ni senang masyarakat sini semua bumiputera. *Okay* [baik], bermakna bumiputera senang, senang dia nak berkomunikasi *okay* [baik] bermakna kita ada satu tempat gotong-royong, jadi semua ada bekerjasama diri tu jadi tidak ada jadi satu beban pada peneroka-peneroka pada waktu tu, sebab apa diorang semua satu kata sepakat.

PKE: Tapi satu apa untuk yang Felda Kemelah ni yang pertama dia memang 100% orang Melayu sahaja, takda kalau pergi tempat lain ada Cina, ada India, sehingga kini memang 100% Melayu. (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali)

Catatan: Terdapat celahan daripada pihak ketiga berlaku di mana beliau membantu Tok Yazil menjawab soalan yang diberikan oleh Nurmaisuri Nasyura. Dan terdapat juga celahan daripada Nur Amylia berlaku di mana dia menanyakan soalan kepada pihak ketiga mengenai bangsa yang menetap di Felda Kemelah pada hari ini masih kekal kesemuanya berbangsa Melayu atau sudah ada bangsa Cina dan bangsa India menetap di Felda Kemelah.

NN: Oh takdalah orang cam Cina atau India nak menetap, takda?

TY: **No-- [tidak] takda--** Felda Kemelah tidak ada, lain felda ada.

Catatan: Celahan daripada pihak ketiga berlaku di mana beliau menjawab soalan daripada Nurmaisuri Nasyura.

NN: Oh lain felda ada.

NN: Jadi waktu tu adakah terdapat macam sebarang peristiwa buruk yang terjadi ke? (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali)

TY: Peristiwa buruk setahu saya yang sebelum tu takda hanya ada sekali tu pun tak berperang. Tahun 69 eh _____, 69 en, tahun 69 bermakna dis- di sebelah tempat Felda Kemelah ni ada satu Ladang *Estate* [estet] bermakna dia masatu panggil Ladang Sekijang sdn bhd. Di dalam ladang tu banyak kebanyakan berbangsa Cina. Jadi, orang Felda Kemelah yang dulu-dulu sebelum se- semasa zaman arwah dan atuk saya _____, dia ni terlalu teringat zaman dia diperintah oleh Komunis _____. Jadi apabila ada perkara tu tarikh yang sama dia berjaga-jaga tapi dia tidak menyerang sehinggakan Cina-cina yang ada dalam Ladang _____ Sekijang ni berpindah ke sawah padi _____

_____, tapi tak berperang tak- takda satu orang kata tidak ada tumpah darahlah. Cuma berhati-hati kerana diorang terlalu ingatkan zaman Komunis tiga belas hari _____.

NN: Jadi dia berhati-hati tu sampai ke atau-- (bunyi selakan kertas A4).

TY: Turun sampai ke generasi sekarang bukan nak kata bermusuhan cuma kita berhati-hati, dikhuatiri andai kata perkara yang sama berlaku berulang balik itu saja, sebenarnya takda apa.

NN: Jadi boleh tahu ke macam waktu awal pembukaan tu (bunyi kertas A4 diseret), gaya hidup tu macam mana?

TY: Waktu pem- waktu tahun pertama lah, maksud Syura tu gaya hidup peneroka di sini. Gaya hidup di sini serba kekurangan, waktu tu tahun 60 lebih, ekonomi memang cantik tapi susah nak dapat ke- (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) kekal ekonomi tu dengan anak-anak ramai. Jadi gaya hidup tu siapa yang dulu siapa yang ada dialah yang pergi. Siapa yang rasa takda keciciran lah contoh bantuan kemi- kami hanya dapat RM69 itu memang tetap dia bagi, terpaksa lah, camtulah kena berdikari.

Catatan: Celahan daripada Nur Amylia berlaku di mana dia bertanya soalan kepada Tok Yazil mengenai bantuan yang diterima oleh Felda Kemelah pada ketika itu. Celahan daripada pihak ketiga berlaku di mana beliau menyatakan bahawa bantuan itu diberi oleh pihak felda dan beliau juga menjelaskan bahawa penduduk di Felda Kemelah perlu bekerja untuk mencari pendapatan sendiri seperti menanam pokok getah, menoreh pokok getah, tebang pokok secara sendiri. Celahan daripada pihak keempat berlaku di mana beliau menerangkan kepada Nur Amylia dan Nurmaisuri Nasyura yang di mana penduduk di Felda Kemelah perlu mengambil benih-benih pokok seperti benih pokok getah, benih ubi, benih kacang tanah untuk di tanam di tanah yang kosong.

NA: Oleh itu sekarang kita tukar kepada pembangunan dan kemajuan semasa.

TY: Yes [ya].

NA: Jadi macam yang tok cakap dari awal memang yang mentadbir ni kira daripada pengurus lah yang membuat.

TY: Ya sampai ke harini lah.

NA: Kalau nak ikutkan sekarang dah berapa ketua kampung yang dah di tukar ada berapa?

TY: Setakat ni empat orang.

NA: Empat orang, oh baru empat orang daripada tahun 61?

TY: Pasal apa yang lama dia sampai berbelas-belas tahun, masa tu minta maaf (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) zaman Mahathir, Dr Mahathir, bermakna dia tu dia **on--** sebab sekarang lah baru dua tahun sekali kalau *you* [awak] kalah *you* [awak] letak jawatan, dulu takde terus sehingga dah muak, dia sendiri dah muak memikul tanggungjawab tu. Bermakna yang pertama zaman Mahathir, **berapa penggal--** zaman tu berapa penggal, berapa penggal lah dia. Lepastu ganti dengan Man, ganti dengan Mat Sab, saya baru empat orang.

Catatan: Celahan dari pihak keempat berlaku apabila dia juga cuba untuk menerangkan soalan yang diberi oleh Nur Amylia semasa Tok Yazil sedang menjawab soalan.

NA: Camtu, proses pemilihan ketua kampung tu macam mana? Daripada awal sama ke ataupun sekarang dah berubah cara?

TY: Proses pemilihan dia memang berbeza memang dia berubah. Sebab apa kita ada temuduga satu, yang pertama sokongan daripada orang kampung, sokongan daripada pejabat felda (kerusi ditarik), dan sekolah dan kita kalau terlibat dengan parti maka itu

akan menentukan. Jadi disitu ia akan- masa temuduga tu dia akan tanya semua lah. Jadi sama ada kita layak tak layak kita tak tau bergantung pada temuduga kita lah kita punya, sama dengan pada peneroka punya ni lah.

Catatan: Celahan daripada pihak keempat berlaku di mana beliau menjawab soalan daripada Nur Amylia.

NN: Jadi kalau macam ada yang membantah (bunyi helaian kertas diselak) tok ketua tu dia menjadi seorang tok ketua jadi adakah bantahan tu diambil?

TY: Maksud awak membantah dari segi apa tu?

NN: Seperti macam-- dia tak.

TY: *Okay* [baik] contohnya katalah saya terpilih lah, saya terpilih lah. Saudara Arif bantah, saudara Anwar bantah, benda tu dia akan pertikaikan balik, dia pertikaikan *okay* [baik] apa sebab encik Arif bantah Yazil? *okay* [baik] dia akan tanya, kenapa si Anuar pun bantah juga? yang lapan orang ni tak bantah, kenapa yang lapan orang ni menyebelahi awak? Adakah awak bagi sogok dia apa-apa? Atau adakah awak janji dengan dia apa-apa? dia akan bertanya. Ini yang bertanya ni adalah tuan pegawai daerah (bunyi suara lelaki batuk) baru dia layak. Kita bukan buat macam zaman Tunku Abdul Rahman “eh aku anak Said aku nak anak Said tu jadi penghulu” (bunyi helaian kertas diselak) ni zaman harini tak, dia kira pasal apa berkait-kait. **Utusan--** ketua kampung adalah pada istana istana Johor bukan, istana Johor akan sampaikan watakah tu dia akan sampaikan. Bukan dia **terus naik--**. Bermakna macam saya, bekerja untuk istana dan parti, eh dan eh yang kerajaan harini bermakna dua. (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) sebab tu dia panggil tok empat. Sultan, MB, DO, ketua kampung penghulu ketua. Di negeri-negeri lain semua panggil tok empat, bermakna **dalam--** negeri dia adalah tok empat. Dia istilah dia lah, yang saya pergi di Johor Bahru kat istana apa semua taklimat tu lah dia, saya pun tak kenal orang tu.

Catatan: Terdapat celahan daripada pihak keempat berlaku di mana beliau ingin memberitahu bahwa felda terlibat dalam pemilihan ketua kampung. Terdapat juga celahan dari pihak ketiga berlaku di mana beliau ingin memberitahu pelantikan ketua kampung akan berkait dan berurusan dengan istana.

NA: Kalau kita tengok daripada se- ketua kampung yang sebelum-- ni kan, apa jasa ataupun yang dah di sumbangkan daripada mereka.

TY: Maksudnya?

NA: Usaha-usaha diorang. Usaha-usaha yang telah _____ tu lah.

TY: Yang sudah semua ada menyumbang. Satu daripadanya dulu menyumbang pentadbiran. Dulu kita dilanda covid, jadi dengan cara tak langsung dia pun dapat menyumbang dia bukan banyak menyumbang lah dia salurkan macam bantuan-bantuan makanan kepada orang kampung lah, dapat tak dapat kita tak tau lah kan tapi saluran tu mungkin ada sedangkan saya sendiri pun tak dapat. Tapi saluran ada, ha ada. Jadi tu saya rasa satu sumbangan yang telah dibuat lah dah setakat harini kalau saya, saya belum menyumbang lagi pada penduduk kampung. Macam mana saya boleh katakan saya belum menyumbang, pertama jambatan saya patah tak buat lagi, kecuali sumbangan suara untuk paip patah itu hari, paip air selama sembilan hari alhamdulillah SAJ buat, itu je lah. Itu bukan sumbangan cuma saya bersuara je, itu je lah yang saya dapat ketengahkan tapi yang hal-hal macam yang besar, belum da- belum ada yang dikatakan di kategori menyumbang. Pertama saya baru enam bulan, jadi orang kata kalau dalam askar tu *sign* [tanda-tangan] pun tak kering lagi, macam tu lah lebih kurang. Tapi insyaallah kita akan us- cuba yang terdekat apa saja cadangan orang kampung kita akan salurkan lah dan atas jasa MB ke apa yang patut kita akan minta lah.

NA: Jadi dari segi kebajikan rakyat memang bergantung kepada-- kalau minta bantuan tu daripada MB ke macam tu lah?

TY: Kalau macam kebajikan rakyat, pertama, saluran pertama **saya--** akan salurkan kepada DUN, kedua kepada parlimen, ketiga kepada MB. Bila dah melibatkan MB dia melalui daerah terus ke MB. Jadi saya tidak boleh terus *push* [tolak] ke MB saya kena ada *step* [langkah]. (Bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) dan *last* [akhir sekali] sekali sekiranya mereka-mereka ni semuanya tak bekerja sultan Johor cakap “*you call back* [awak telefon semula], *you call* [awak telefon] saya, saya boleh hantar dia ke mana saja”. Ha pasal apa kami tertakluk pada istana pasal dia punya kuasa lagi besar tu kadang-kadang kita tengah rehat “tok *you* [awak] datang istana pukul enam petang” *you* [awak] nak cakap macam mana? Saya bukan ada heli bukan ada apa pegi juga la. Contoh dia macam tu dia punya cara.

NA: Kalau sekar- kalau kita lihat pada segi kemajuan apa yang pertama sekali ada dekat kampung ni? Kemajuan apa?

TY: Kemajuan di kampung ni pertama sekali yang dekat se- dekat Felda Kemelah ni pembangunan. Pembangunan dari segi rumah-rumah peneroka semua dah membangun. Sharmila, Syura tahu kan (bunyi orang ketawa kecil) banyak rumah lama-lama kan jadi *you* [awak] tahu itu adalah rumah lama-lama sebab apa peneroka tu berhijrah keluar anak-anak dia jadi rumah tu tinggal. Selebihnya semua dah membangun. Itu adalah satu pembangunan dalam Felda Kemelah lah kira. Bermakna dengan pembangunan yang pesat contoh jalan-jalan semua dah di tar kan, lampu ada, paip air makna tu dah kategori membangun lah.

NA: Itu kalau dari segi (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) kemudahan pula macam sekolah ke ada tak dalam- ada?

TY: Kemudahan pendidikan semua cukup kecuali sekolah menengah. Sekolah menengah kita tak boleh ada sebab apa peratus yang nak bersekolah menengah kurang jadi kita ada satu tempat di macam di Tenang *Station* [stesen] jadi semua Felda Redong boleh pergi, Felda Kemelah, Felcra semua gugusan boleh pergilah. Macam di Kemelah kita ada sekolah agama, tadika kemas, sekolah kebangsaan. Tapi semuanya bantuan kerajaan sepenuhnya tidak ada sekolah swasta dalam Felda Kemelah ni.

NA: Macam kemudahan-kemudahan yang lain?

TY: Kemudahan-kemudahan yang lain tu maksud dia?

NA: Macam ada sini ada balai polis lah kan.

TY: Yes [ya].

NA: Ada lagi macam.

PKE: Oh klinik kesihatan semua ada.

Catatan: Tiada jawapan diberikan dari pengkisah dan terdapat celahan dari pihak keempat.

NA: Klinik kesihatan.

PKE: Yang takde tokong saja, sebab sini semua satu budaya.

TY: Klinik kesihatan ada, PDK sebelah ni ada *staff* [pekerja] dia semua cukup. Mana macam gabungan GPW semua ada dalam Felda Kemelah semua ada. Belia pun ada jadi benda tu memang tidak ada bantahan cuma benda tu kalau nak kumpulkan pada harini susah lah sebab apa saya tak maklumkan dari awal kan benda tu diorang boleh datang. So [jadi] saya tak maklum siapa-siapa melibatkan tugas harian diorang (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) jadi waktu tertentu baru saya maklumkan. Jadi takde masalah.

NA: Kalau macam sekarang ada tak rancangan untuk menambah kemajuan (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) ataupun kemudahan dalam kam- Felda Kemelah.

TY: Kita zaman harini dan sekarang memang ada minta menambah kemajuan, setelah tu dah lulus contoh kita punya apa tu yang-- IT apa tu yang rangkaian lebar semua dah ada apa yang kita mohon semua kerajaan dah bagi. Satu lagi macam dari segi bantuan-bantuan pembangunan pun kerajaan dah bagi salurkan juga. Jadi rasa saya tidak ada yang ketinggalan lah, hanya sama ada yang si pemohon tu nak jalankan ataupun tidak itu saja. Macam IKS pun banyak kita dah _____. Banyak dah ketengah-ketengah cuma sama ada dia nak teruskan ataupun tidak.

Catatan: Terdapat celahan dari pihak ketiga dan keempat apabila mereka ingin membantu tok semasa menjawab berkenaan contoh kemajuan yang di mohon.

NA: Okay [baik] sekarang kita kepada rumah generasi pertama yang macam tok pernah cerita pada perjumpaan pertama kan, berapa jumlah yang ditubuhkan ada berapa?

TY: Yang pertama tubuh ke yang sekarang ni?

NA: Generasi pertama dulu.

TY: Yang pertama.

NA: Rumah yang ada dulu.

TY: Yang ada sekarang ke dahulu?

NA: Dahulu.

TY: Okay [baik] tahun 61 ye okay [baik] 131.

NA: Dia ikut jumlah yang tok cakap tadi lah? Oh.

TY: Yes [ya] yang lain semua penambahan kendian lah dia ada peringkat dua, peringkat tiga, saya peringkat tiga dan yang-- tunggu baru ni peringkat empat--

Catatan: Terdapat celahan dari pihak keempat yang ingin menerangkan cara kemasukan pihak peneroka ataupun penduduk untuk menetap di Kemelah.

NA: Pembinaan tu daripada pihak pengurus sendiri lah yang.

TY: Pembinaan tu pihak felda, pengurus hanya *monitor* [pantau]. (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) bermakna peneroka masuk dah ada rumah *base* [asas] pertama, *and then secondly* [dan selepas itu yang kedua] eh *base* [asas] ke dua pula, peneroka tu pula bekerja dalam kontraktor buat rumah yang kedua sebab apa kita nak menambahkan sumber pendapatan itu cara dia. Dia buka peluang pula- yang kendian-kendian.

Catatan: Celahan yang dibuat oleh pihak keempat berlaku di mana beliau ingin memberitahu sumber pendapatan yang ada untuk peneroka dari generasi pertama sehingga kini.

NA: Jadi dia tak buat asas dia?

PKE: Ha asas dia tu lah. Macam di- kalau felda apa? Pilol? apa? Bilol? L2 tu dia teroka sendiri, dia buat rumah sendiri macam tu an kalau macam di feld- tahun 50 lebih 60 lebih tahun ke atas ni dah mula rumah dah ada buat sendiri dah ada kontraktor yang boleh membangunkan.

Catatan: Tiada jawapan diberikan oleh pengkisah dan terdapat celahan daripada pihak keempat.

NA: Jadi sekarang yang memang (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) rumah asal tu yang rumah tinggalan lah sebab memang dah takde orang duduk lah sekarang ada berapa je tinggal?

TY: Sini rumah yang, rumah yang terasal tu tak banyak lebih kurang ada dalam enam, enam buah sahaja. Yang kalau rumah tinggal banyak tapi hanya tinggal dinding saja (suara orang ketawa kecil) rumah dah takde orang lagi (suara orang ketawa kecil) tu pasal rumah yang asal tu, rumah contoh kita ada di sebelah pam minyak tu cuma harini kita belum waktu gotong-royong kalau awak tengok pun awak tengok sedih lah (suara orang ketawa kecil) tapi rumah tu (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) memang bentuk rumah felda cuma tidak boleh masuk, rumah kecil, rumah asal ada yang *you* [awak] masuk tu, rumah untuk kegunaan replika je.

NA: Jadi sekarang kalau nak tengok ada tak macam sekarang dah generasi ke seterusnya kan, jadi ada yang dah robohkan bua- buat baru ke bangunan ba- rumah baru lah.

TY: Semua memang saya rasa 78% yang baru, dia macam ni Syura dan siapa tadi? Sharmila mana saya dapat ea? (bunyi ketawa kecil dari orang sekeliling) dia macam ni cerita dia sebenarnya awak cakap rumah tadi kan? Contoh *you* [awak] dua orang lah, ibu *you* [awak] dah besarkan *you* [awak] eh dah besarkan awak dah beri pendidikan pada awak betul? So [jadi] *you* [awak] telah ada pendidikan apa yang awak dapat. Awak nak menentukan keindahan hidup awak, awak kena cari calon awak disitu awak menentukan. Begitu juga dengan peneroka kalau dia nak rumah dia nak ni, dia kena cari ikhtiar sendiri untuk naik bangunan keluarga dia begitu lah saya cakap jadi benda tu sama saja, rumah dan manusia sama memang tak lari memang tak jauh beza. *You* [awak] dah ada akademik cantik, *okay* [baik], satu hari nak berumah tangga. Mesti cari calon yang calon yang sesuai untuk awak kan. Jadi nak menentukan masa depan awak. Begitu lah peneroka.

Catatan: Terdapat celahan oleh pihak keempat berlaku di mana beliau memberitahu bahawa adanya permohonan pinjaman rumah kepada peneroka. Terdapat juga celahan daripada Nur Amylia yang membetulkan nama beliau.

NA: Jadi kalau nak tengok dari ja- da- dari generasi pertama tu yang tinggal ta- ada? peneroka pertama.

TY: Oh dah takde.

NA: Dah takde lah ea?

TY: Dah takde, innalillahi wainnailaihirojiun.

NA: Sekarang dah berapa? (Suara orang sekeliling ketawa kecil)

TY: Sekarang dah masuk generasi ketiga.

NA: Generasi ketiga, oh.

TY: Saya generasi ke dua, sekarang anak saya dah generasi ketiga so [jadi] saya pun dah ada cucu tapi diorang semua tak menetap disini lah en bermakna dah jauh-jauh yang ada tu lah.

Catatan: Terdapat celahan daripada pihak keempat iaitu beliau memberitahu kebanyakan penduduk yang menetap di Kemelah buat waktu sekarang adalah generasi ketiga.

NA: Sekarang kita berbalik kepada tradisi, ada tak tradisi-tradisi tersendiri dalam Felda Kemelah? (bunyi helaian kertas diselak)

TY: Ada, kita memang ada tradisi.

NA: Contohnya macam mana?

TY: Maksud awak tu tradisi dari segi macam mana?

NA: Penduduk.

TY: Satu daripadanya penduduk kita masih ada di Felda Kemelah ni mes- masih ada tradisi bergotong-royong, berkenduri kahwin bermakna kalau orang kampung sini cakap rewang lah walaupun dia panggil katering tapi sistem rewang tu masih ada sebab apa nak merapatkan satu group _____ silaturrahim kita, itu masih ada lagi. Kedua kita punya tradisi adalah yang yasin mingguan memang ada.

NA: Oh setiap minggu ada?

TY: Yes [ya] takde buat rumah ke rumah ataupun di masjid. Itu masih kita ada kan tradisi ni. Makna dia tu tak lupa lagi lah, masih ada.

PKE: Kalau macam tahlil apa sekampung tu kita buat setiap tahun.

TY: Di masjid lah.

PKE: Itu memang setiap tahun memang ada.

Catatan: Terdapat sedikit celahan oleh pihak keempat untuk penerangan tambahan daripada jawapan Tok Yazil.

NA: Dijemput semua sekali?

TY: Yes [ya], tidak ada dikecualikan. Kecuali tidak dapat hadir.

PKE: Dengan acara bubur lambuk.

TY: Ha itu memang ada.

PKE: Acara bubur lambuk, tu memang tradisi sini lah.

Catatan: Terdapat sedikit celahan oleh pihak keempat untuk penerangan tambahan daripada jawapan Tok Yazil.

NA: Okay [baik] seterusnya, ni soalan-soalan tambahan yang kami dapat lah.

TY: Ya.

NA: Macam apa kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh penduduk?

TY: Kegiatan ekonomi?

NA: Contohnya macam-

PKE: Kedai.

Catatan: Terdapat celahan daripada pihak keempat sebelum habis pertanyaan oleh Nur Amylia.

NA: Kedai ke ataupun sumber pendapatan diorang se- untuk se- masa kini.

TY: Setakat harini untuk penduduk Felda Kemelah, khususnya peneroka ataupun wakil peneroka. Ekonomi, hasil ekonomi diorang adalah sumber yang dia dapat contohnya macam kita dia ada kan ladang sawit sebanyak sepuluh ekar disitulah ekonomi kita. Sekiranya kita nak ada tambahan lebih kita kena buat cara lain. Maksud saya cara lain tu kita tak tentukan pada sawit je, bekerja ladang ni tiap-tiap hari tidak. Ha siapa kata hari-hari pembohong. Pasal apa kita apa bila tuai buah ikut pusingan, (bunyi kerusi terhentak) jadi semasa nak nyampai ke pusingan tu kita boleh buat kerja luar. Diorang boleh bekerja kat kedai ke kerja *car wash* [cuci kereta] macam-macam lah itu adalah sumber pendapatan dia. Tapi memang saya katakan kalau setakat harini belum ada lagi yang

mengatakan tidak ada duit di dalam Felda Kemelah. Sebab apa kita ikut kepada hasil tuaian kita dengan harga sebenar, itu dia.

NA: Jadi sumber dominan yang dapat diberi apa yang diperolehi oleh penduduk ni daripada ladang lah hasil sawit.

Catatan: Terdapat celahan daripada Tok Yazil yang ingin membantu penemubual dalam soalan yang diberikan.

NA: Kalau aktiviti perdagangan macam perniagaan kat sini ada tak yang buka perniagaan yang macam besar, secara besar-besaran.

TY: Ada, setakat harini ada yang buka perniagaan secara besar macam yang kontrak yang ada lesen kontraktor itu pun adalah satu kategori besar, yang ada pula yang jadi, Dr. Helmi jadi apa? Pensyarah apa? Yang selalu keluar TV3 tu. Tu anak peneroka sini. Banyak yang dah terkenal.

NA: Adalah, ada tak tokoh-tokoh yang terkenal atupun selebriti ke lahir daripada sini?

TY: Tokoh-tokoh terkenal contoh sini pernah jadi kata orang yang saya tau lah, masih berkhidmat lagi Pengarah Pergigian Angkatan Tentera Malaysia. Mejar Jeneral Baharudin dia adalah anak peneroka da- Mejar General Borhan dia adalah anak peneroka sini memang anak jati sini. Yang ke dua tu Doktor tu dia Doktor ni dia panggil apa? anak Khalid. Selalu keluar kat Malaysia Hari Ini. Jadi ramai yang anak-anak peneroka yang dalam felda Kemelah ni berjaya dan juga di tempat yang agak menarik lah tengok. Macam-macam kontraktor tu semua *high class* [kelas tinggi] punya, *class* [kelas] yang baik-baik punya lah. Bukan lesen *class* [kelas] B, bukan yang potong andam punya dia kontraktor yang lesen A lesen besar pun dia punya pendapat, sumber pendapatan dia pun agak terkejut juga lah.

PKE: Dia pun ada sumbangan dia juga _____."

Catatan: Terdapat celahan oleh pihak keempat yang ingin membantu Tok Yazil dalam menjawab soalan.

NA: Tapi sekarang dia, dia duduk sini ke dia dah tak duduk sini?

PKE: Dia duduk luar.

TY: Dia duduk luar.

PKE: Tapi perkembangan dia ambil tahu lah.

TY: Dia ambil tahu, perkembangan dia ambil tahu

Catatan: Terdapat celahan oleh pihak keempat yang ingin membantu Tok Yazil dalam menjawab soalan.

NA: Kalau dari segi macam Felda Kemelah ni ada tak dirikan satu organisasi untuk beri apa-apa manfaat macam gabungan dengan orang luar?

PKE: Banyak dia punya apa gabung-gabungan ni persatuan-persatuan banyak sini wujud macam-macam.

TY: Di Felda Kemelah ni banyak **gabungan--** yang macam mana awak maksudkan kita pertama gabungan kita yang pertama sekali dalam Felda Kemelah ni gabungan ke seluruh Felda Kemelah dalam Wilayah Segamat. Di situ kita akan nilai kan dan kita akan nilai kan dengan satu **usaha-- felda--** Kemelah dan kita akan bagi satu manfaat kepada dia. Mungkin dia wakil felda dalam Malaysia, mungkin dia wakil felda dalam Johor. Kita akan bagi juga lah. Macam felda dia ada pertandingan-pertandingan jadi itu adalah satu kejayaan pada felda. Pasal gabungan tu lah gabungan kami semua dalam felda, kami tidak akan bergabung dengan lain-lain maksudnya felcra ha takde. Kami hanya bergabung dengan felda. Dalam felda pula banyak gabungan seperti **NGO--** lain juga banyak ada GPW, JKK, itu semua gabungan tetapi khususnya dalam felda disitu yang

kita boleh *monitor* [pantau] sekiranya kita perlu kan, perlu kan untuk bangunkan sesuatu dengan diorang ni lah kita akan bermesyuarat macam mana boleh tak boleh kita buat. Jadi kita bermesyuarat. Encik Arif pun ada kadang-kadang. Kalau boleh kita kata boleh, nilai kan balik macam mana, baru lah kita boleh gerak, dia akan sampaikan.

Catatan: Terdapat celahan daripada pihak keempat yang ingin membantu Tok Yazil untuk menjawab pertanyaan daripada soalan yang diberi oleh Nur Amylia iaitu berkenaan NGO.

NA: (kerusi ditarik) Kalau dari segi Felda Kemelah ni ada tak sejarah-sejarah tinggalan daripada dulu-- yang sampai sekarang masih tak boleh dilupakan?

TY: *Okay* [baik], berkenaan dengan sejarah ni yang saya difahamkan kita sini ada dua sejarah saje, sejarah tu tidak ada tumpah darah. *Okay* [baik] satu lagi pembukaan Kemelah. Kita nak buat jalan yang awak lalu tadi adalah bukit. Diorang belah sampailah ke harini dinamakan jalan tu jalan Bukit Belah. Tak caya tanya Encik Anuar, tanya Arif. Yang awak lalu tadi jalan tu namanya jalan Bukit Belah tu itu adalah bukit tu dibelah jadikan jalan raya perhubungan satu, yang kedua adalah satu bukit, bukit jauh dari sini itu pun sejarah juga dalam Felda Kemelah itu lah dia bukit dikenali nama dengan Bukit Tempurung. Situ waktu saya baru pindah kelmarin waktu kecil-kecil, diorang kata itu adalah Kampung Bunian. Saya pun tak tau, jadi kalau awak pergi situ mungkin suatu hari awak takkan balik. So [jadi] pernah dengar cerita juga ya tapi jauh dalam kebun ini cerita-cerita **mak--** saya dulu.

NA: Dia kalau jalan boleh tembus jalan lain ke?

PKE: **Tak--** ni dia jalan, jalan kebun.

TY: Jalan ladang.

PKE: Kalau pihak pengurusan felda ni mesti dia akan ke bukit tu.

TY: Ha ni tahu ni pasal dia staff felda dia tahu.

PKE: Kalau kita naik pada bukit tu kita nampaklah persekitaran tinggi.

TY: Nampak, nama dia Bukit Tempurung, masih wujud lagi.

PKT: Dia ada dua, satu dekat _____ _____ _____ bukit kan.

TY: Itu memang benda tu tak dilupakan. Macam yang saya kata jalan tadi bukit. Bukit tu macam ni (sambil membuat gerakan tangan) dia nak buat jalan tu dia belah.

PKE: Sebab dia punya kedudukan Kemelah ni kedudukan dia banyak berbukit. Dekat 60% bukit.

PKT: Sebaptu dia jadi kita jadi tanda tanya generasi yang baru penubuhan Kemelah tu (bunyi hentakan pen di meja) ada juga dari asal usul Bukit Belah, Ada orang cakap ada nama orang Asli. Sungai depan ni, sungai depan ni, Sungai Kemelah.

Catatan: Terdapat celahan daripada pihak ketiga dan pihak keempat semasa Tok Yazil menjawab pertanyaan daripada Nur Amylia. Terdapat juga celahan daripada Nur Amylia yang ingin memberikan balasan daripada jawapan yang diberikan.

NA: Ha ada baca kat internet ada satu cerita.

TY: Yes [ya], sungai tu ada satu anak dara asli mandi kalau tak silap saya sungai tu. Itu betul, kalau sungai tu betul.

PKE: **Kamilah--**, sungai tu, itu lah nama dia Kemelah.

TY: Jadi benda tu, pun tak tau. Jadi saya pada mana yang saya tahu lah.

Catatan: Terdapat sedikit celahan daripada pihak keempat berkenaan dengan penubuhan nama Kemelah.

NA: Sebab cerita tu kalau kita *search* [carian] google pun dia cerita pasal nama Kemelah ada pasal orang Asli.

TY: Pasal Asli, satu orang Asli tu rasa tengah mencuci pakaian di tepi sungai, yes [ya]. (suara orang ketawa kecil) itu memang betul jarang takde. Tapi untuk dapat kan nama Kemelah tu yang saya tahu dari situ lah.

Catatan: Celahan daripada Nur Amylia yang bersetuju dan terdapat juga celahan daripada pihak keempat yang turut bersetuju.

NA: Tapi cerita tu memang betul lah?

TY: Cerita tu memang benar.

NA: Oh dari pada zaman dahulu lagi lah?

TY: Ya, oh tu cerita yang lain-lain tu mungkin saja diorang untuk ini lah.

NA: Dia penduduk sini juga ke?

PKE: Dia tak.

TY: Orang Asli tu belakang ni, ada satu kampung Asli jauh dari sini. Dia masuk ke Felda Redong, nama dia Segamat Kecil. Tapi dia diorang pun cari ikan dekat sungai sini juga. Kawasan sini juga jadi dia pun jalan ke mari dulu kan. Tapi kita pun takde musuh dengan dia. Kaum-kaum pribumi ni takde. Dia pun semua macam kita juga macam biasa, takde apa masalah.

Catatan: Terdapat celahan daripada Nur Amylia yang bertanyakan sama ada dia berjalan ke Kemelah untuk mencari makanan. Terdapat juga celahan daripada pihak kelima yang memberi penjelasan tentang yang berkenaan.

NA: Kalau Felda Kemelah ni ada (berdecit) makanan dia, simbolik tak. Macam kadang kalau macam kita tahu kat Kampung apa ea ke- Kampung Jawa dia ada lempeng jawa kat sini ada tak makanan sem-.

PKL: Nasi **ambeng--**. Kampung Jawa simbolik dia nasi ambeng.

TY: Ha tu dia orang Kampung Jawa.

Catatan: Celahan dibuat oleh pihak kelima untuk memperbetulkan cerita berkenaan makanan simbolik Kampung Jawa.

NA: Oh orang Kampung Jawa.

PKL: Sebab apa dulu masa banjir tahun berapa, dia ada buat pusat ni dekat masjid Kampung Jawa. Paling tinggi dia makan kat mana-mana pihak TV3 cakap Kampung Jawa yang paling sedap nasi ambeng.

TY: Sini biasa nasi apa diorang buat? Makanan tradisi sini me- menu dia tak tinggal. (suara orang ketawa kecil) (bunyi notifikasi telefon bimbit)

Catatan: Terdapat celahan dibuat oleh pihak ketiga untuk memperbetulkan cerita berkenaan makanan simbolik Kampung Jawa.

NA: Sama je lah macam biasa lah?

TY: Sebenarnya Felda Kemelah ni dulu tak dipanggil Felda Kemelah. Dulu dia LKTP, felda ni kendian. Dulu Lembaga Kemajuan Tanah apa persekutuan kan?

Catatan: Terdapat celahan daripada pihak keempat untuk membantu Tok Yazil menjawab soalan.

NA: Itu daripada zaman sebelum ada pengurus lagi ke?

TY: Zaman ada pengurus dah makna tu Lembaga Kemajuan. Ha Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan lah.

PKE: Masa wujudnya Tunku Abdul Rahman.

TY: Yes [ya].

PKE: Masatu wujudnya tu lah lembaga apa tadi Kemajuan Tanah Melayu?

TY: Kemajuan Tanah Melayu.

Catatan: Terdapat celahan daripada pihak keempat untuk membantu Tok Yazil menjawab soalan.

NA: Tapi di panggil felda?

TY: Setelah tu--

PKE: Setelah tu, setelah dah lepas lah, dah Merdeka lah.

TY: Lepas Merdeka dia panggil felda.

Catatan: Terdapat celahan daripada pihak keempat untuk membantu Tok Yazil menjawab soalan.

NA: Kalau macam tu ada tak peristiwa-peristiwa yang di luar jangkaan berlaku? Tak kisah lah daripada awal pembukaan sampailah sekarang.

TY: Peristiwa luar jangkaan tu takde ya- yang cuma tak boleh dilupakan ialah waktu orang penduduk-penduduk Kemelah nak bina jalan yang kita lalu tu jambatan dengan tebang pokok besar dekat _____ tu kan.

NA: Dulu-dulu lah?

TY: Dulu-dulu ni lah zaman-zaman dulu-dulu diorang itu lah diorang ikhtiar kampung tebang balak apa buat jambatan perhubungan untuk kita keluar ke Segamat (suara orang ketawa kecil).

TY: Dulu hutan ni. 161 orang tu *okay* [baik] rumah se- belah kiri kanan depan rumah dia semua hutan ni. Apabila lulus temuduga Kerajaan Lembaga Kemajuan tebang. Buat kan rumah, masuk lagi begitu lah. Yang pertama tu memang datang kiri kanan depan rumah dia semua masih hutan balak lagi. (Bunyi hentakan tangan perlahan ke atas meja). Hutan tebal lagi, dulu punya cerita lah kan.

NA: Kalau macam tok pernah cerita yang masa banjir-- melanda Kemelah tu macam mana *first impression* [tanggapan pertama]?

Catatan: Celahan daripada Tok Yazil di mana beliau menjawab persoalan Nur Amylia dengan jawapan “ya”.

TY: Banjir waktu tu, masa tu awak nak tanya tahun berapa?

Catatan: Terdapat celahan daripada pihak keempat di mana beliau bertanya Nur Amylia berkenaan tahun banjir yang melanda Felda Kemelah.

NA: Boleh lah daripada awal lah kalau boleh sebab kita nak dapatkan info-info.

TY: Yang saya dapat ingat banjir tahun 71. Air naik sampai dekat selekoh pejabat tu kona masjid tu air sampai situ.

NA: Sampai dada?

TY: Bukan sampai kawasan tu ada air.

NA: Oh sampai kawasan tu, oh.

TY: Ya, jadi perhubungan memang takde. Itu **saya--** ingat dan yang lain-lain biasa lepastu yang terbaru saya jadi ketua kampung, yang terbaru ni banjir melibatkan perhubungan putus, jambatan putus, paip air pecah. Itu memang tak, tak dilupakan. Itu peristiwa yang saya terima sendiri lah baru dilantik sebagai ketua kampung saya terima, terima. Dengan air tidak ada sembilan hari. Jalan jambatan putus sampai ke hari ni, perhubungan kita pun tak dapat sewaktu tu.

NA: Kiranya sok- tok (suara orang ketawa kecil) dapatkan bantuan daripada orang-orang luar tu macam mana? macam mana nak tangani isu-isu itu.

TY: Bantuan saya dapat setelah banjir surut, perhubungan dah boleh lepas. Dapat lah sumber-sumber bantuan maksud dia bantuan tu macam dari segi (suara orang batuk) gaya pemikiran diorang, *you* [awak] kena buat macam ni-- Zil". "You kena buat macam ni- untuk beri apa yang patut". Saya terpaksa ikut lah. Jadi dengan nak menampung kos, tenaga kerja SAJ berapa hari sembilan hari bekerja de- dia tak minta gaji tapi atas budi bicara orang kampung semua nak bagi makan dia selama sembilan hari dengan kos RM600 satu hari. Kena bagi, itu saya cari sumber tu da- saya kawal sendiri. Kerja saya, saya mana ada duit ada lima belas ringgit dalam kocek (suara orang ketawa kecil) jadi tu lah cara dia nak kita kenang kan perkara ni memang saya tak boleh lupa lah. Pertama kali nak jadi ketua kampung awak fikir lah orang baru kahwin alih rumah terbakar macam mana? (suara orang ketawa kecil) ibarat macam tu lah tapi banyak wakil-wakil rakyat beritahu lah, *you* [awak] kena minta gini, minta gini tapi alhamdulillah dia bagi sikit

sumbangan. Kalau katakan duit saya pembohong. Saya jumpa wakil rakyat ni dia bagi, wakil rakyat ni dia bagi untuk *support* [sokongan] tu, *support* [sokongan] apa yang patut. Kalau tidak tak boleh ni lah, tak boleh. Kalau awak duduk tempat saya pun awak mesti _____ macam tak boleh nak tampung. Sebab awak hanya dapat duit sebulan RM3000 lebih, duit berkhidmat. Nak *support* [sokong] tu, saya pun ada anak bini juga. Diorang lah yang banyak *support* [sokong]. (suara orang ketawa kecil).

NA: Jadi kalau macam dari pihak tok ada tak kisah-kisah kalau nak kongsi ke?

TY: Nak saya rasa saya dalam Felda Kemelah ni takde kisah apa-apa saya nak kongsi kepada awak sebab apa benda tu saya setelah berumur 18 saya berhijrah dari Felda Kemelah. Jadi semasa 18 ke 39 tu saya takde. **Ada--** balik jadi tak tahu cerita lah daripada yang berlakutan. Kalau dikatakan ada, tapi cerita tu tak benar kan. Tapi kalau cerita pengalaman saya, tak kan *you* [awak] nak amik pengalaman saya *you* [awak] hanya nak ambil pengalaman apa yang berlaku dalam Felda Kemelah *okay* [baik].

NA: Isu-- apa-- kap- kalau cerita dari pihak Felda Kemelah ni ada tak?

TY: **Isu--** yang timbul dalam Felda Kemelah ni pertama peneroka-peneroka ni (bunyi helaian kertas) pertama penerok-peneroka ni degil (suara orang ketawa kecil) termasuk lah arwah bapa saya peneroka, saya pun anak peneroka. Degil maksud saya macam mana, degil dari segi pentadbiran (helaian kertas diselak) apa yang dikatakan pentadbiran ni sebab apa pertama kita tertakluk pada kerajaan, so [jadi] _____ *you* [awak] tertakluk pada felda, hasil *you* [awak] kena bagi felda *okay* [baik]. Awak kata aku boleh buat sendiri, *you* [awak] buat sendiri (bunyi helaian kertas) *okay* [baik] felda benarkan awak buat sendiri dengan hasil awak, awak buat **sendiri--** awak tak melalui felda. *Okay* [baik] apabila awak dah melalui felda, kita sekarang ada *collection* [kutipan] sampah setiap minggu sampah ni **di collect--** [kutip] dengan pungutan dengan duit api jalan itu adalah sumber mana yang ikut felda kita akan ada potongan sebulan lima ringgit sorang satu pen-, satu peneroka termasuk duit apa tadi segala segala jalan, potong rumput dan (Tok Yazil berdecit) sampah. Jadi apabila kena rumah dia ni ada sampah, contoh rumah awak lah, awak tak ikut felda tau dia ikut felda, rumah dia saya ambil rumah awak saya tak ambil awak *refer*

[rujuk] saya. “Tok saya nak tanya sikit tok kenapa rumah saya tok tak ambil sampah” habis je dia cakap saya akan cakap dengan dia balik, pertama sekali kami tak ambil sampah awak tidak ada sumbangan apa-apa dengan felda *okay* [baik], orang lain ada bantu bayar api, bayar duit dengan duit *collection* [kutipan] sampah tetapi kami tak zalim, kami ambil juga sampah awak tetapi pada waktu hari yang awak *complain* [mengadu] saya tu sampah awak belum diangkat lagi itu saya katakan degil tak ikut apa yang kita ni kan tu yang jadi satu masalah lah sini ada tak kurang saya rasa lima enam orang dia tidak ada sumber tidak ada apa mengatakan dia melalui felda tiba masa dia hendak apa yang penerokawati dapat, peneroka dan penerokawati dapat contoh dia macam hari raya kita ada potongan duit, duit tu potongan daripada hasil awak. Bukan kami punya duit, duit awak jadi bila dekat nak raya kami keluarkan duit tu. Tiba masa dia jumpa saya, “kenapa mak saya tak dapat? orang lain kenapa dapat?” Jadi kita terang kan pada dia, dia tak boleh terima. Itu yang saya kata tadi tu degil (suara orang ketawa kecil) dia nak hak kita tetapi dia takde menyumbang pada kita macam mana kita nak bagi. Awak kalau tak nak tanam ubi Syura, kurang-kurangnya awak boleh beri, beri benih tu pada saya dapat juga awak isi dia, betul? ini langsung takde (bunyi hentakan kecil keatas meja) macam mana saya nak beri pada awak macam tu. Itu yang berlaku dalam Felda Kemelah, banyak membelakangkan felda. Bukan saya kata felda bagus, felda memang tak bagus. Sebab apa saya kata tak bagus? felda tak bagus yang ada di Kemelah ni pasal apa yang saya kata tadi tak bagus sebab dia tidak boleh bagi peneroka apa peneroka hendak. Sebab apa dia tak bagi peneroka apa yang peneroka tu hendak, peneroka tu tak ikut felda. Itu yang saya katakan felda tak bagus. Kalau dia bagus dia bagi semua, betul? tapi felda memang tak boleh bagi dia, tidak ada sumber, nak bagi dia macam mana? Itu yang kadang-kadang saya ni serba salah nak cakap dengan orang-orang yang macam ni. Kena jelas kan **satu--** anak balik daripada Kuala Lumpur, Menara Gading, “kenapa mak saya tak dapat duit RM500 ni?” (bunyi hentakan kecil ke atas meja) saya kata RM500 tak besar *okay* [baik]. Mak awak keluar daripada felda hasil tidak ada hantar felda macam mana kami nak bagi awak kepada awak ni sedangkan yang awak ambil duit ni duit dia *collection* [kutipan] tiap-tiap bulan kami simpan, kami tak ambil simpan Encik Arif wakikan fe- peneroka, wakikan peringkat bayar balik duit orang ni untuk menampung bukan kata RM500 tu besar, tak besar menampung semangat dia untuk menyambut Raya Aidilfitri. Saya ada kata macam tu tak? ha itu saya kata felda tak bagus. Kalau saya kata felda bagus dia bagi semua orang yang tak hantar hasil. Ha itu kena faham ayat saya, itu saya cakap dengan diorang “awak kena faham”. Sebab apa saya kata apa, *you* [awak} duduk Felda Kemelah, dilahirkan di Felda Kemelah

dapat ke menara gading hasil daripada felda. Tiba masa awak ada duit sikit lebih empat puluh ringgit saja *you* [awak] lebih *you* [awak] dah nak buat sendiri. Tiba masa *you* [awak] nak buat sendiri tinggal mak awak terkotang-kanting di kampung, bahasa kampung ea minta maaf kotang-kanting kat kampung tak boleh buat kerja terus dengan cara awak kata tadi nak buat ladang sendiri, dimana mak awak nak makan? masih takde. Jiran tak boleh bantu. Sebab apa kita nak bantu dia dari segi apa? Sebulan dua bulan awak boleh bantu. Ketua kampung lagi tak boleh bantu lima belas sayang dalam poket, lagi tak boleh bantu. Tu kadang-kadang susah dalam Felda Kemelah ni, mana-mana felda lah kalau ada segelintir yang berpihak macam ni memang kita *nervous* [gemuruh]. Tak boleh buat apa.

NA: Oh tak boleh nak *handle* [mengendalikan].

TY: Tak boleh, saya yang sedih pasal tu lah, sedihnya sebab apa dia kerana diorang ni tidak ikut felda. Itu yang saya sedih. Sini felda saya kata memang banyak tolak ansur, pertama ea saya kata tolak ansur, *okay* [baik] lah saya beri peluang pada awak kalau awak nak ambil yang dua ekar tu buat sendiri buat lah, lapan ekar ni awak bagi felda buat. Situ ada sumber ini tak awak nak ambil semua sepuluh ekar, awak buat tiba masa awak takde hantar. Awak fikir tak awak duduk dalam kampung felda ni, awak terfikir tak jalan yang awak lalu, awak tak fikir anak awak sekolah dekat Felda Kemelah, fikir tak diorang tak fikir sebab apa diorang tahu wah bila dia nak masuk felda, betul saya cakap dengan awak. Sebab tu harga sawit jatuh, katalah sawit tinggal harga enam puluh sen ataupun empat puluh sen bermakna 400 sekilo eh 400 satu tan, waktu tu dia nak masuk, bila sawit harga kemuncak seringgit lebih bermakna 1000 lebih satu tan “baik aku buat seorang”, “sendiri aku dapat duit dapat duit penuh”. Itu yang saya tak nak sebab tu saya *direct* [langsung] cakap kat dia saya tak suka orang macam ni lah. Saya sendiri boleh buat kebun tapi sa- saya ada felda biarlah felda buat. Itu lah cara dia, kes ni berlaku saya cakap dengan awak dalam felda mana-mana felda *you* [awak] pergi yang awak pergi memang tu lah. Setiap felda **pening--** pasal dia lagi pening nak campur masyarakat, dengan **boss--** AGM dia, FC dia, RC dia semua. (Hentakan kecil ke atas meja) pasal dia ada gini, bergini, gini. Tolak ansur dia tutup lagi tutup **last--** [akhir] terbuka juga. Ni lah berlaku, susah, memang susah. (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) Yang senang

hidup dalam tentera saja. (suara orang sekeliling ketawa) betul ya ikut, awak **pergi--** terus rumah ada makan takde makan tu lain cerita pergi terus. Kalau **pergi--** anak tak makan.

NA: Tok dulu tentera kat mana? Kluang [Johor] ye?

TY: Saya banyak tempat. Saya *last* [akhir] dekat Dungun [Terengganu].

NA: Kalau ni *last* [akhir] lah saya tanya apa macam aktiviti ataupun (bunyi berdecit) yang paling besar pernah dijalankan dalam felda ni?

TY: Kita menyambut hari peneroka, hari peneroka felda buat dekat sini lah. Kira besar lah aktiviti tu dan satu lagi yang terbaru kita buat wakil negeri. Majlis wirid negeri ea, majlis wirid di masji Felda Kemelah. Masjid-

NA: Kira orang-orang luar datang lah?

TY: Ya wakil negeri.

PKE: Masjid kita dapat wakil negeri.

TY: Yang terbaru ni mendapat _____ daripada Tunku Mahkota, masjid Kemelah terpilih bukan kata saya lah, terpilih untuk dapat _____ daripada Tunku Mahkota Johor yang baru ni sampai kan daripada DO dan saya dan akan datang akan dapat tiap-tiap bulan masuk dalam akaun masjid. Itu daripada kerajaan negeri eh daripada Sultan. Terpilih, saya pun terkejut bila Tunku Mahkota jumpa, beliau kata "tok masjid tok terpilih okey masjid tok terpilih", "kami memang berminat dengan masjid (hentakan kecil ke atas meja) bawah jajahan tok". Bukan kerana saya tapi bawah jajahan tok.

Catatan: Terdapat celahan daripada pihak keempat yang ingin membantu Tok Yazil menjawab pertanyaan.

NA: Baru-baru lah ni?

TY: Terbaru, baru itu hari terima ini.

NA: Oh baru lepas ni? Jadi *busy* [sibuk] lah kalau macam tu?

TY: Oh memang kerja ketua kampung tu memang Encik arif tahu lah (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) kerana saya rasa syukur alhamdulillah kerana dapat bekerja bekerjasama waktu negeri, kedua dapat sumbangan daripada istana dan terbaru ni pula dia suruh saya cari wakil tokoh masyarakat Maal Hijrah untuk peringkat negeri, saya belum hantar nama lagi, saya tengah fokus tengah cari siapa yang layak pergi. Dia kata "tok, tok terpilih cari satu wakil cari tokoh masyarakat Maal Hijrah". Payah Sultan suruh cari, ya betul. Sampai dia pun kata "susah tok tapi sebab tok semua dia akan lepas". Saya pun tak tahu kenapa, sebab ni dulu adalah laluan dia untuk Kembara Mahkota.

NA: Dia lalu sini lah?

TY: Ya, lalu jalan kampung.

NA: Oh dia, dia masuk dalam kampung?

TY: Lalu kampung, lalu kat depan pejabat semua Kembara Mahkota kelmarin masa bapa dia kan?

PKE: Ya, masa bapa dia.

TY: Jadi mungkin waktu tu dia terpandang ke apa kan. Mungkin dia rasa ni sesuai layak lah pada dia jadi dia bagi lah. Jadi kita mana yang dapat merasa nikmat tu dapat lah. Dapat rasa mana yang Tunku Mahkota- dia itu hari memang dia bagi kewangan. Dia bagi saya dengan DO ada di- baru lagi baru ta- lepas beberapa hari ni lepastu dia datang

masuk akaun tiap-tiap bulan. Akaun masjid lah bukan akaun saya. Kalau akaun saya-- dia akaun masjid, jadi orang kata bagus lah tu kan dia ter- orang kata terfikir nak bagi Felda Kemelah.

Catatan: Terdapat celahan oleh pihak keempat yang ingin membantu Tok Yazil untuk menjawab pertanyaan.

NA: Jadi ka- kalau ada lagi lain tak yang macam daripada sebelum-sebelum ni punya rancangan yang besar--? ada lah?

TY: Rancangan besar maksud awak yang kita nak bangunkan ke apa?

NA: Boleh juga kalau daripada sebelum ni-- dengan yang akan datang. Yang dah dilaksanakan sebelum sebelum ni.

TY: Sebelum ni yang da- yang telah dilaksanakan dan telah di _____ oleh felda, felda bagi tanah kepada generasi kedua, tapak rumah dan dia pun boleh mohon dengan mana-mana bank, mana-mana badan, bermakna yang pertama lah, dan yang ke dua saya punya perancangan nak bagi minta lagi pada felda jasa baik felda untuk bagi lagi tanah generasi ketiga. Itu lah (suara orang batuk) semua lah. Yang pertama dah lulus, generasi kedua seramai 100 lebih dah lulus pun dah duduk jadi mohon untuk kali kedua Encik Arif belum tahu sama ada lulus, tak lulus kita tak tahu lah pasal tanah ni dalam geran felda, itu terpulang kepada felda. Tapi saya rasa felda pun dia akan ikut budi bicara juga yang mana perlu dia akan bagi. Kalau tak banyak pun lima enam rumah dia bagi, rasa saya lah. Sebab apa memandangkan tanah ada kosong, ada lah agak kosong tapi tak semua kosong banyak dah ada pertanian (bunyi notifikasi telefon bimbit sebanyak satu kali) bermakna dah ada bumi hijau takkan kita se zalim tu, betul tak? saya rasa itu lah perancangan yang akan datang, saya mahu semua generasi dapat.

NA: Untuk generasi sekarang ni lah sekarang ada berapa ba- ada berapa ramai orang?

